

PMINT dan Tenaga Nasional diarah  
siapkan laporan dalam tempoh sebulan

# PM tak puas hati pembangunan Tasik Kenyir

UM 19 FEB 1991

Oleh  
Wan Zulkifli Wan Yaacob

**H**ULU TERENGGANU 18 Feb. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr Mahathir Mohamad tidak puas hati dengan perkembangan pembangunan Tasik Kenyir yang begitu perlahan.

Sehubungan dengan itu, beliau mengarahkan supaya semua projek disegerakan bagi membolehkan Tasik Kenyir berkembang sebagai kawasan percutian yang utama dan berpotensi menarik beribu juta ringgit nilai pelaburan.

Bagi meneliti sendiri perkembangannya, Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) dan Tenaga Nasional diarah menyediakan laporan lengkap untuk dikemukakan kepada beliau dalam tempoh satu bulan.

PMINT terlibat dalam penyediaan kemudahan asas dan hotel di salah satu kawasan yang sesuai manakala Tenaga Nasional bertanggungjawab mencabut pokok-pokok yang terbenam di kawasan tasik.

Bercakap kepada para pemberita selepas melawat tasik tersebut tengah hari ini, beliau berkata, kelewatan pembangunan hanya akan merugikan kerana kos akan terus meningkat.

"Amat penting peruntukan yang diberikan dibelanjakan segera kerana jika tidak ia hanya membazirkan wang. Peruntukan untuk menebang pokok di dalam kawasan tasik itu diluluskan pada tahun 1987 tetapi ia baru dimulakan pada tahun lalu," katanya.

Beliau juga meminta Tenaga Nasional supaya meneruskan sendiri usaha mencabut pokok-pokok yang terbenam dengan mengemukakan kaedah yang mudah dan murah seperti menggunakan 'winch' di mana pokok-pokok yang hampir reput itu diikat dan ditarik dengan alat tersebut.

Beliau menyifatkan, perbelanjaan bagi menebang sebatang po-

kok sebelum ini dianggarkan \$400 dan ia adalah terlalu mahal. Lebih 800,000 pokok terdapat di dalam kawasan air tasik.

Sehingga kini sejumlah kira-kira 6,000 pokok telah ditebang oleh kontraktor dengan perbelanjaan \$2.4 juta.

"Kali ini tiada lagi peruntukan tambahan diberikan bagi mencabut pokok-pokok. Dengan menggunakan winch, ia boleh dilakukan sendiri oleh Tenaga Nasional bagi membuang sebahagian besar pokok yang reput."

Perdana Menteri juga mahu PMINT membina segera hotel dan lain-lain kemudahan kerana ia permulaan kepada usaha perkembangannya. Beliau turut mengemukakan kaedah mudah dan murah bagi PMINT membina jeti.

"Tasik ini mempunyai potensi yang cukup besar bagi menarik pelaburan bernilai ribuan juta ringgit. Beribu-ribu pelancong akan datang dengan adanya kemudahan seperti hotel, padang golf,engkapan rekreasi dan sukan air, kemudahan memancing dan sebagainya," ujar beliau.

Menurut beliau tasik ini mempunyai banyak kawasan yang indah dan unik termasuk salah satu air terjunnya yang terus mengalir ke dalam tasik.

Dalam lawatan singkat itu, Perdana Menteri diringi oleh Menteri Besar, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Perusahaan Awam, Dato' Dr. Yusof Nor dan timbalannya, Dato' Dr. Siti Zaharah. Turut serta ialah Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Haji Tengku Mahmud Mansor.

Beliau turut meninjau satu kawasan yang berpotensi dibangunkan iaitu di kawasan air Terjun Kuala Lasir, kira-kira 40 minit perjalanan dengan bot.

Sempena lawatan itu juga, beliau melepaskan 1,000 anak ikan talapia merah di projek perintis ternakan ikan dalam sangkar yang diseliakan bersama oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Perikanan dan Jabatan Pengairan dan Saliran.